

ANALISIS PEMBENTUKAN HUKUM ISLAM DARI PERSPEKTIF BARAT

(An Analysis of Islamic Law Development from a Western Perspective)

¹ARIYANTI MUSTAPHA

²ABDUL KARIM ALI

³ZURAI DAH KAMARUDDIN

⁴MOHD. ARIF NAZRI

¹Jabatan Fiqh & Usul, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, Malaysia

²Jabatan Fiqh dan Usul, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, Jalan Professor Diraja Ungku Aziz, Seksyen 13, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia

³Department of Fundamental and Inter-Disciplinary Studies, Kulliyah of IRKHS, International Islamic University of Malaysia, Jalan Gombak, 53100 Selangor, Malaysia

⁴Pusat Kajian Al-Quran dan Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Perkembangan hukum Islam yang merangkumi kurun ketiga sehingga kurun kelima hijrah telah menghasilkan pelbagai persepsi positif dan prejudis dalam kalangan sarjana Barat. Kemuncak perkembangan hukum Islam pada kurun ketiga hijrah telah dianggap sebagai Zaman Keemasan yang telah berjaya melahirkan pelbagai metodologi usul-fiqh sebagai indikator kematangan intelek para sarjana Islam. Kewujudan metodologi usul fiqh yang komprehensif telah dirumuskan oleh Barat sebagai evolusi daripada perundangan Rom dan Yahudi. Artikel ini dihasilkan untuk menganalisis hasil penulisan Barat seperti Wael Hallaq, Joseph Schacht,

Ignaz Goldziher dan beberapa penulisan orientalis kontemporer dalam sejarah pembentukan hukum Islam dengan menggunakan kaedah kualitatif dan komperatif. Hasil kajian ini mendapati interpretasi metodologi hukum Islam dalam penulisan Schacht dan Goldziher adalah tidak tepat. Manakala penulisan orientalis barat kontemporer lebih bersikap telus terhadap perkembangan hukum Islam. Kajian ini mendapati hukum Islam yang disifatkan oleh barat yang berasaskan kepada *Foreign Affairs* adalah tidak tepat dan bersifat *Ravionis* terhadap pembentukan hukum Islam.

Kata kunci: Hukum Islam; orientalis; usul fiqh; ravionis

ABSTRACT

The development of Islamic law during the third until the fifth century of Hijra has contributed to both positive and prejudicial thoughts amongst Westerners. The zenith of Islamic law in the third century of Hijra was known as The Golden Age with the established principles of usul fiqh, and indicated the maturity of Muslim Jurists. The comprehensiveness of usul fiqh methodology was concluded by westerners as an evolution and imitated from Roman and Jewish dogma. This article is to analyze the writing of Wael Hallaq, Joseph Schacht, Ignaz Goldziher and some contemporary orientalis on the history of the development of Islamic law with the qualitative and comparative methodologies. This article verified the interpretation of usul fiqh's methodology by Schacht and Goldziher, were not accurate. In opposition to that, the contemporary orientalist writings on Islamic law were fair and transparent. This article verified that the Western allegation on Islamic law derived from Foreign Elements is invalid, and it shows their Ravionist attitude towards Islamic law.

Keywords: *Islamic law; orientalist; usul fiqh; ravionist*

PENDAHULUAN

Perkembangan hukum Islam di bawah kekuasaan kerajaan Abasiyyah yang mula berlaku secara progresif pada pertengahan kurun kedua sehingga kurun ketiga hijrah telah menarik minat dalam kalangan pengkaji Barat untuk menganalisis faktor kebangkitan hukum Islam dari perspektif Barat (Abdul Latif Muhammad al-Subki 1939). Menurut Rafiq (2016), perkembangan metodologi usul fiqh yang digunakan secara komprehensif pada kurun ketiga hijrah telah ditulis dengan terperinci oleh beberapa penulis orientalis barat seperti Schacht, Goldziher, Patricia Crone dan Gibb yang merumuskan penggunaan elemen perundangan daripada Rom, Yahudi dan Kristian sebagai asas utama yang membawa kepada kemuncak kegemilangan hukum Islam pada kurun ketiga hijrah. Hukum Islam secara khususnya dilihat oleh sarjana

orientalis sebagai hasil adaptasi dan evolusi sarjana Islam terdahulu berasaskan perundangan dari negara Barat yang telah diolah dan dinamakan sebagai hukum Islam (Aayesha Rafiq 2016). Jakub (1970) mendefinisikan orientalis sebagai golongan barat yang mengkaji tentang negara Timur terutamanya negeri-negeri Arab dan Islam yang meliputi aspek kebudayaan, keagamaan, peradaban, kehidupan dan sebagainya yang berasaskan daripada negara Timur. Orientalisme merupakan satu gagasan ilmu yang memfokuskan kepada negara-negara Timur pada satu kelas atau tempat untuk dikaji, dijatuhkan hukuman dan dikuasai (Edward W. Said 1979).

Pengkajian terhadap perkembangan Islam secara asasnya telah dipelopori oleh sarjana barat semenjak tahun 1239 oleh Frederick II yang telah memberi gambaran prejudis terhadap peranan nabi Musa, nabi Isa dan nabi Muhammad (Joseph Schacht 1974). Menurut Ansari (2016), penglibatan orientalis barat terhadap perkembangan hukum Islam telah dimulakan oleh Edward Sachau pada tahun 1874, Alfred Von Kremer dan Snouck Hurgronje yang telah menghasilkan pelbagai kajian dan artikel terhadap hukum Islam dan metodologi usul fiqh. Kajian Sachau secara khususnya telah menjadi asas kepada penglibatan ramai orientalis barat terhadap kajian hukum Islam dan usul fiqh (Harald Motzki 2002). Artikel ini secara khususnya memfokuskan kepada penglibatan Ignaz Goldziher, Joseph Schacht dan Wael Hallaq yang telah banyak menghasilkan kajian dan penulisan terhadap hukum Islam dan ilmu hadith. Menurut Faroh (2018), penulisan komprehensif Goldziher terhadap hukum Islam dan hadith dianggap sebagai *the Sacred Book* dalam kalangan sarjana orientalis barat. Pada tahun 1873 Goldziher telah menyambung pengajiannya di Universiti al-Azhar, Mesir dan merupakan pelajar bukan Islam pertama yang berjaya memasuki Universiti tersebut. Beliau telah mendapat penghormatan daripada penduduk Islam di Mesir kerana ketekunan dan pengetahuan beliau yang mendalam terhadap hukum Islam (Ignaz Goldziher 1981).

Manakala Schacht merupakan salah seorang tokoh orientalis yang banyak menggunakan buku dan ideologi Goldziher dalam pengkajiannya terhadap hukum Islam. Ketokohan beliau dalam kajian hukum Islam telah digelar oleh sarjana barat sebagai *the father of Islamic legal studies* sebagai indikator terhadap pengetahuan komprehensif Schacht dalam hukum Islam (Akh Minhaji 1992).

Menurut Sidek (2017), penulisan Schacht dalam bukunya bertajuk *The Origins of Muhammadan Jurisprudence* mula mendapat perhatian sarjana Islam kerana dakwaan prejudis beliau terhadap penutupan pintu ijtihad pada kurun keempat hijrah telah memberi perspektif negatif barat terhadap intelek sarjana Islam yang digambarkan sebagai naif, regresif dan tidak berpengetahuan tinggi dalam membuat analisis terhadap hukum Islam. Goldziher dan Schacht mendakwa hukum Islam dan epistemologi usul fiqh adalah berasaskan dogma daripada perundangan Rom, Yahudi

dan Kristian serta tidak relevan untuk digunakan kepada generasi akan datang (David S. Powers 2010). Isu ini dikukuhkan lagi dengan pandangan Samuel Huntington yang terkenal dengan *Huntington's Theory of the Clash of Civilization* yang cuba membuktikan wujudnya adaptasi dari aspek sosiologi, antropologi dan perundangan barat ke dalam Islam (Glenn E. Perry 2010). Malah teori *The Legal Transplant* yang diperkenalkan oleh Watson (1974) telah menjadi indikator orientalis barat dalam mendakwa wujudnya elemen asing dalam hukum Islam sehingga terhasilnya Zaman Keemasan (*The Golden Age*) hukum Islam pada kurun ketiga hijrah.

Artikel ini disediakan untuk meneliti perkara berikut; (1) Menyatakan dan menganalisis fakta yang dikemukakan oleh Goldziher dan Schacht serta membuat komparatif dengan kajian orientalis kontemporari terhadap sejarah perkembangan hukum Islam pada kurun ketiga hijrah, (2) Mengenalpasti dan menganalisis dakwaan barat terhadap wujudnya kaedah *Legal Transplant* dalam perkembangan hukum Islam.

OBJEKTIF KAJIAN

Artikel ini dihasilkan dengan berdasarkan kepada objektif berikut:-

1. Menilai hasil kajian Schacht, Goldziher dan hasil penulisan orientalis barat kontemporari, Hallaq terhadap sejarah pembentukan hukum Islam pada akhir kurun kedua sehingga kurun ketiga hijrah.
2. Menyatakan hasil kajian orientalis barat terhadap perkembangan hukum Islam pada kurun ketiga hijrah.
3. Menganalisis dan membandingkan pertentangan ideologi orientalis barat terhadap perkembangan hukum Islam.

METODOLOGI

Artikel ini merupakan kajian kualitatif yang berasaskan kepada beberapa kaedah pengumpulan data dengan menggunakan metodologi Historis. Data-data yang berasaskan sumber primer dan sekunder telah diteliti dan disusun dengan teratur berdasarkan kronologi historis. Metodologi terakhir yang digunakan dalam penghasilan artikel ini adalah kaedah penganalisan dan komparatif data untuk meneliti dan membuat kesimpulan terhadap hasil kajian orientalis barat terhadap sejarah perkembangan hukum Islam.

Evolusi Hukum Islam Kurun Ketiga Hijrah dari Perspektif Orientalis Barat

Kajian ini memfokuskan kepada perkembangan usul fiqh yang berada pada zaman kemuncak perkembangannya pada kurun ketiga hijrah. Pelbagai definisi diberikan oleh orientalis barat terhadap zaman kegemilangan usul fiqh yang telah disifatkan oleh Watson (1974) sebagai pencetus berlakunya evolusi dan implementasi perundangan daripada sesebuah negara kepada sesebuah agama. Malah orientalis barat optimis terhadap hukum Islam yang mula mengalami Zaman Keemasan dan mereka mendakwa bahawa ia adalah hasil daripada elemen perundangan Rom, Yahudi dan Kristian yang digunakan ke dalam hukum Islam (Hashim Sofyan Lahilote 2020). Orientalis barat mendakwa perkembangan hukum Islam yang berlaku pada kurun ketiga hijrah adalah hasil daripada sikap sarjana Islam yang terlibat dalam aspek ‘*Systematic borrowing*’ atau ‘*indebted*’ terhadap budaya dan dogma agama Yahudi, Kristian dan Rom (Aayesha Rafiq 2016).

Hasil kajian yang dilakukan oleh Goldziher dan Schacht telah membuktikan bahawa perundangan dan hukum Islam yang terkandung di dalam al-Quran adalah tidak relevan dengan perkembangan hidup manusia yang semakin kompleks. Malah kedua-dua tokoh ini telah membawa beberapa contoh prinsip dan metodologi usul fiqh yang didakwa berasaskan kepada elemen perundangan agama asing (Joseph Schacht 1982). Goldziher (1981) menyatakan dalam kajiannya tentang wujudnya pengaruh perundangan Rom ke dalam agama Islam dan perundangannya, *...the dogmatic development of Islam took place under the sign of Hellenistic thought, in its legal system the influence of Roman law is unmistakable, the organization of the Islamic state as it took shape during the Abbasid caliphate shows the adaptation of Persian political ideas...*

Schacht (1982) turut memperakui kenyataan Goldziher terhadap wujudnya kemasukan dogma Rom ke dalam hukum Islam yang dinyatakan oleh beliau sebagai *...the concept of the opinio prudentium of Roman law seems to have provided the model for the highly organised concept of the consensus of the scholars as formulated by the ancient schools of Islamic law...* Kedua-dua tokoh orientalis tersebut bersependapat dalam wujudnya elemen korpus agama asing ke dalam hukum Islam.

Pandangan tokoh kontemporari orientalis barat yang masih aktif dalam pengkajiannya terhadap hukum Islam, iaitu Hallaq mempunyai pandangan berbeza dengan Goldziher dan Schacht. Hallaq merumuskan faktor kegemilangan epistemologi usul fiqh pada kurun ketiga hijrah adalah hasil kematangan intelek para sarjana usul fiqh dalam menganalisis dan membuat penilaian hukum secara terperinci dengan menggunakan kaedah ijtihad (Wael Hallaq 1997). Menurut Hallaq (2009),

gabungan kaedah ijthad para sarjana Fiqh di samping rujukan terhadap al-Quran dan Sunnah yang dinamakan oleh beliau sebagai *The Great Synthesis* merupakan faktor terpenting dalam memastikan asas ijthad para sarjana fiqh berasaskan kepada rujukan daripada al-Quran dan Sunnah. Kaedah ini telah diformulasikan oleh Imam Shafi'i di dalam bukunya, *al-Risalah* dan Hallaq memberi pandangan positif terhadap evolusi metodologi yang diperkenalkan oleh Imam Shafi'i' (Wael Hallaq 1997).

Menurut Khallaf (1942), kaedah ijthad telah digunakan semenjak zaman Rasulullah dan semakin meluas digunakan oleh sarjana fiqh pada pertengahan kurun kedua hijrah akibat perkembangan hukum yang memerlukan kreativiti para sarjana fiqh untuk menganalisis dan mengeluarkan hukum yang tidak dinyatakan di dalam al-Quran dan Sunnah. Kemuncak perkembangan epistemologi usul fiqh pada kurun ketiga hijrah telah mendapat perhatian penulisan sarjana orientalis yang mengklasifikasikan zaman kegemilangan tersebut terhasil daripada evolusi hukum Islam yang berasaskan korpus Rom, Yahudi dan Kristian (Judith Romney Wegner 2011). Kepentingan ijthad sebagai metodologi usul fiqh telah dirumuskan oleh Goldziher dan Schacht sebagai mempunyai konsep dan prinsip asas yang sama dalam perundangan Rom yang dinamakan sebagai *opinio prudentium of Roman Law* yang berasaskan kepada persetujuan pandangan para sarjana hukum (Joseph Schacht 1982).

Goldziher dan Schacht merumuskan bahawa metodologi usul fiqh adalah berasaskan elemen perundangan Rom yang telah diolah dan dibawa masuk oleh sarjana Islam sebagai metodologi dan prinsip asas usul fiqh (Ignaz Goldziher 1981). Kedua-dua tokoh ini bersependapat dalam menyatakan bahawa kemasukan elemen asing dalam hukum Islam atau proses *legal transplant* perundangan Rom ke dalam hukum Islam mula berlaku pada kurun kedua hijrah dan telah memberi impak positif terhadap prinsip dan metodologi usul fiqh pada kurun ketiga hijrah.

Perkembangan Hukum Islam Kurun Ketiga Hijrah dari Perspektif Orientalis

Perkembangan hukum Islam pada kurun ketiga hijrah telah diklasifikasikan oleh orientalis barat dan sarjana Islam sebagai Zaman Keemasan dalam perkembangan hukum Islam yang menyaksikan pelbagai metodologi usul fiqh yang semakin berkembang telah mula digunakan secara meluas oleh para sarjana Islam. Proses pembentukan Imam Mazhab yang memberi sumbangan intelek secara langsung kepada perkembangan hukum Islam mulai lengkap pada kurun ketiga hijrah. Justeru itu, perkembangan hukum Islam pada kurun ketiga hijrah akan dikhususkan kepada dua peristiwa penting yang berdasarkan hasil pengkajian orientalis barat, iaitu (i) Kemunculan Teori the Great Synthesis, dan (ii) Pembentukan Imam Mazhab.

1. Teori *The Great Synthesis*

Perkembangan usul fiqh menjelang kurun ketiga hijrah telah disifatkan oleh Hallaq sebagai zaman kematangan intelek sarjana usul fiqh dalam menyelesaikan kepelbagaian isu perundangan yang semakin kompleks. Pelbagai metodologi usul fiqh mula digunakan secara meluas pada zaman pentadbiran kerajaan Abasiyyah. Penulisan Schacht dan Hallaq pada tahap ini lebih memfokuskan kepada penglibatan Imam Shafi'i yang dianggap sebagai *an architect of Islamic Jurisprudence* kerana ketokohan beliau dalam menyusun dan memperkenalkan pelbagai metodologi usul fiqh sebagai rujukan utama dalam hukum Islam (Wael Hallaq 2009). Hallaq (2009) menjelaskan dengan terperinci terhadap perkembangan positif hukum Islam dari perspektif penggabungan di antara sumber primer hukum Islam iaitu al-Quran dan hadis dengan kaedah ijtihad dalam metodologi usul fiqh. Kaedah penggabungan tersebut yang diperkenalkan oleh Imam Shafi'i telah digelar oleh Hallaq sebagai Teori *The Great Synthesis*. Schacht memberi pandangan yang berbeza berkaitan perkembangan hukum Islam dan penggunaan kaedah ijtihad.

Beliau menyatakan perkembangan hukum Islam secara progresif bermula pada kurun kedua hijrah dan beliau telah membuktikan bahawa kaedah penggabungan al-Quran dan Sunnah dengan metodologi ijtihad telah mula berlaku sejak kurun kedua hijrah dalam kalangan sarjana fiqh di Kufah seperti al-Awza'i, Abu Yusuf dan Shaybani (Joseph Schacht 1982). Hasil pengkajian Schacht bertentangan dengan dakwaan Hallaq yang menganggap Imam Shafi'i sebagai sarjana fiqh pertama yang telah menggabungkan metodologi usul fiqh dengan sumber asas hukum Islam.

Menurut Muhammad al-Subki (1939), penggabungan di antara kaedah ijtihad dengan al-Quran dan Sunnah telah mula dipraktikkan oleh pengikut Imam Abu Hanifah di Iraq pada kurun kedua hijrah. Faktor kehidupan masyarakat Islam di Iraq yang lebih moden dan maju dari aspek sosial, muamalat dan pentadbiran berbanding dengan kehidupan di Hijaz merupakan faktor pencetus kepada penggunaan kaedah *Ra'y* secara meluas di Iraq (Farouq Abu Zaid 1986). Para sarjana fiqh di Iraq lebih bersikap terbuka dan profesional dalam menggunakan kaedah ijtihad akibat daripada kepelbagaian masalah yang lebih kompleks dan rumit wujud di Iraq daripada Hijaz.

Penganalisan yang dilakukan terhadap kaedah penggabungan di antara metodologi ijtihad dengan al-Quran dan Sunnah dalam kalangan sarjana fiqh Mazhab Imam Abu Hanifah telah menunjukkan bahawa ia dilakukan dengan tidak teratur. Keadaan ini ternyata berbeza dengan praktik Imam Shafi'i yang

sangat teliti dalam memastikan al-Quran dan Sunnah digunakan sebagai rujukan utama untuk digabungkan dengan metodologi usul fiqh (Farouq Abu Zaid 1986). Oleh itu, dakwaan Schacht terhadap Teori Sintesis yang telah digunakan terlebih dahulu di Iraq adalah tidak tepat.

Justeru itu, pengukuhan penggunaan metodologi ijtihad pada kurun ketiga hijrah dengan penggabungan daripada al-Quran dan Sunnah sebagai sumber hukum telah mengukuhkan lagi penggunaan pelbagai prinsip asas dalam usul fiqh. Kepelbagaian metodologi usul fiqh yang telah disusun oleh Imam Shafi'i telah mendapat pelbagai reaksi dalam kalangan orientalis barat. Goldziher dan Schacht menganggap metodologi usul fiqh merupakan evolusi daripada agama asing yang telah diolah oleh para sarjana Islam untuk digunakan sebagai hukum Islam.

2. Pembentukan Imam Mazhab

Pengkajian orientalis barat terhadap perkembangan hukum Islam pada kurun ketiga hijrah telah merekodkan fakta yang menunjukkan hukum Islam sedang mengalami zaman pengukuhan dan ramai sarjana Islam yang digelar oleh Goldziher sebagai *acknowledge doctors of Islam* telah memainkan peranan penting dalam memberi sumbangan intelektual dan ijtihad terhadap hukum Islam (Ignaz Goldziher 1981). Penulisan sarjana Islam telah membuktikan bahawa para sahabat, Tabi'in dan Tabi' Tabi'in telah memainkan peranan signifikan dalam proses perkembangan epistemologi usul fiqh.

Kurun ketiga hijrah merupakan zaman kemuncak kepada perkembangan hukum Islam atau digelar oleh orientalis barat sebagai *The Golden Age* yang lebih memerlukan kepakaran para mujtahid untuk menganalisis dan mengeluarkan fatwa berkaitan hukum (Yahya Muhammad 2000). Malah pada awal pentadbiran kerajaan Abasiyyah, umat Islam telah mula terikat dengan ajaran dan pandangan hukum oleh para Imam Mazhab dan pada kurun ketiga hijrah pembentukan Imam Mazhab mulai lengkap.

Kajian penulisan Schacht dan Hallaq menunjukkan pembentukan Imam Mazhab secara lengkap pada kurun ketiga hijrah merupakan salah satu faktor penting yang membawa kepada zaman kegemilangan hukum Islam yang menunjukkan tahap progresif intelek para sarjana Islam dan metodologi usul fiqh berkembang sejajar dengan perkembangan hidup umat Islam. Schacht (1982) dan Hallaq (2009) menyatakan bahawa pada kurun ketiga hijrah aliran Imam Mazhab telah mula membentuk doktrin dan kaedah usul fiqh yang khusus serta mempunyai pengikut yang ekstrem terhadap ajaran Imam Mazhab.

Pelbagai kaedah usul fiqh seperti *ijma'*, *qiyas*, *istihsan* dan *masalih mursalah* mula digunakan oleh Imam Mazhab yang secara tidak langsung telah menunjukkan kepelbagaian metodologi usul fiqh yang berasaskan intelek para sarjana Islam dalam menganalisis setiap masalah hukum. Kepelbagaian kaedah usul fiqh mula wujud disebabkan oleh faktor perkembangan sosial, budaya, intelektual dan perbezaan geografi yang mula memberi impak terhadap kepelbagaian pandangan hukum dalam kalangan sarjana Islam (Mahmood Zuhdi 1992). Penelitian terhadap fakta sejarah perkembangan hukum Islam juga menunjukkan dakwaan Schacht dan Hallaq terhadap pembentukan Imam Mazhab secara lengkap berlaku pada kurun ketiga hijrah adalah tepat. Justeru, dengan tertubuhnya aliran Mazhab pada zaman ini, teori dan kaedah pembinaan hukum Islam menjadi lebih jelas dan tersusun.

Epistemologi Usul Fiqh dari Perspektif Orientalis

Penulisan orientalis barat seperti Patricia Crone berkaitan dengan zaman kegemilangan hukum Islam memberi indikator positif terhadap dakwaan Schacht dan Goldziher terhadap keberkesanan perundangan barat ke dalam hukum Islam yang dianggap sebagai zaman kebangkitan intelek para sarjana Islam (Harald Motzki 2002). Malah pandangan tersebut dari perspektif barat adalah selaras dengan teori *The Clash of Civilization* yang diperkenalkan oleh Samuel Huntington yang merupakan *framework* umum kepada kebergantungan dan tumpuan negara Timur terhadap Tamadun Barat yang dianggap sebagai mempunyai kuasa dominasi dalam perundangan, politik, ekonomi dan budaya (Glenn E. Perry 2010). Teori tersebut walaupun secara umumnya tidak mengkhususkan kepada evolusi korpus barat ke dalam hukum Islam, ia secara tidak langsung memberi fahaman umum kepada kebergantungan Timur terhadap negara barat yang dianggap oleh barat sebagai sebuah kuasa besar yang mempunyai dominasi terhadap dunia, khususnya negara-negara Islam yang dianggap sebagai *inherently bloody and dangerous* (Glenn E. Perry 2010).

Said (1978) dalam buku *Orientalism* mendakwa wujudnya *stereotype* dalam hasil penulisan orientalis barat dalam mengkritik dan memberi pandangan negatif terhadap Islam yang sentiasa digambarkan sebagai sebuah agama yang stagnan, ortodoks dan tidak mengambil kira aspek perkembangan semasa. Faktor tersebut dibuktikan oleh Schacht (1982) dan Goldziher (1981) dalam kajian mereka terhadap beberapa metodologi usul fiqh yang didakwa berasal daripada elemen asing yang secara tidak langsung memberi kesan kepada zaman kegemilangan hukum Islam.

Kaedah ijtihad dalam epistemologi usul fiqh telah dibuat kajian oleh Goldziher dan Schacht dengan merumuskan bahawa kaedah ijtihad yang digunakan oleh para

sarjana Islam adalah berasal daripada perundangan Rom iaitu *Opinio Prudentium Roman Law* (Ignaz Goldziher 1981). Orientalis barat percaya bahawa para sarjana Islam telah menjadikan kaedah *Opinio Prudentium Roman law* sebagai model dan contoh yang perlu dipraktikkan ke dalam perundangan Islam.

i. Kaedah *Ijma'*

Schacht (1982) juga turut mendakwa bahawa kaedah *ijma'* dalam metodologi usul fiqh telah ditiru dan diolah oleh sarjana Islam daripada dogma perundangan Rom, bahkan menurutnya penggunaan kaedah *ijma'* dalam perundangan Rom adalah paling lengkap dan sistematik. Hasil kajian Schacht dan Goldziher menunjukkan bahawa metodologi *ijma'* telah digunakan dalam agama Yahudi dengan menggunakan terma *Ha-Kol* yang merupakan himpunan pandangan dan pendapat berkaitan hukum oleh sarjana Yahudi terhadap permasalahan yang tidak terdapat penyelesaiannya di dalam kitab Taurat dan Talmud (Joseph Schacht 1982). Sarjana orientalis merumuskan bahawa kaedah *ijma'* yang telah digunakan sebagai metodologi usul fiqh merupakan evolusi yang berasaskan elemen perundangan asing dan tidak berasal daripada hukum Islam. Pandangan tersebut secara umumnya tercetus disebabkan wujudnya persamaan dalam aspek persetujuan pandangan dalam kalangan ahli agama sebelum sesuatu hukum digazetkan kepada umum.

Dalam metodologi *ijma'* pandangan daripada seluruh ahli mujtahid terhadap permasalahan hukum diperlukan sebelum sesuatu hukum disepakati (Muhammad Yusuf Faruqi 1995). Manakala dalam kaedah *Ha-Kol*, keputusan sesuatu hukum dalam kalangan *Rabbi* Yahudi bukan merupakan kriteria utama akan tetapi perbincangan dalam isu berkaitan perundangan adalah dipertanggungjawabkan kepada pihak sarjana Yahudi (Ahmad Hassan 1991). Hallaq dalam penulisannya memberi interpretasi berbeza berkaitan kaedah *ijma'* yang telah digunakan selepas kewafatan Rasulullah. Penulisan Hallaq (2009) berkaitan kaedah *ijma'* yang mula digunakan pada kurun kedua hijrah oleh Imam Abu Hanifah adalah bersifat positif terhadap perkembangan hukum Islam yang dilihat dari aspek perkembangan intelek para sarjana Islam yang lebih kreatif dan kritis dalam penganalisaan hukum dan pandangan beliau adalah bertepatan dengan hasil penulisan sarjana Islam.

ii. Kaedah *Qiyas*

Penggunaan metodologi *Qiyas* sebagai kaedah keempat dalam epistemologi usul fiqh juga telah mendapat pelbagai reaksi dari kalangan orientalis barat yang mendakwa ia merupakan evolusi daripada elemen asing yang telah diolah

dan dibawa masuk sebagai hukum Islam (Judith Romney Wegner 1982). Hasil pemerhatian terhadap penulisan Goldziher dan Schacht mendapati bahawa sarjana orientalis tersebut merumuskan kaedah *Qiyas* secara khususnya adalah berasal daripada perundangan Yahudi yang diambil daripada kitab Talmud, dan ia telah dibawa ke dalam hukum Islam sebagai salah satu kaedah usul fiqh. Goldziher (1981) secara umumnya menyatakan bahawa metodologi usul fiqh secara keseluruhannya adalah berdasarkan elemen perundangan Rom dan Yahudi.

Penulisan beliau walaubagaimanapun tidak menghuraikan dengan terperinci tentang kandungan dan praktik perundangan Rom yang dikaitkan dengan *Qiyas*. Selain daripada Goldziher dan Schacht, kajian yang dilakukan oleh Margoliuth dan Wansbrough turut meyakini bahawa kaedah *Qiyas* yang berasal daripada perundangan Yahudi iaitu *Hiqqish* adalah merupakan evolusi daripada perkataan *Maqqis* yang pada akhirnya telah digunakan oleh sarjana Islam sebagai *Qiyas* (Judith Romney Wegner 1982). Kaedah tersebut telah dipraktikkan sebagai salah satu metodologi usul fiqh oleh para sarjana Islam. Goldziher dan Schacht tidak menghuraikan dengan terperinci tentang praktik *Hiqqish* dalam perundangan Yahudi. Bahkan penulisan orientalis barat terhadap metodologi *Qiyas* hanya membincangkan persamaan yang wujud dari aspek linguistik dan evolusi perkataan *Qiyas* dan *Hiqqish* tanpa membuat interpretasi terperinci terhadap praktik *Hiqqish* dalam agama Yahudi. Justeru, dakwaan yang dinyatakan oleh Goldziher, Schacht, Margoliuth dan Wansbrough adalah tidak berasaskan bukti yang kukuh untuk menunjukkan wujudnya kaedah *legal transplant* dan elemen asing di dalam epistemologi usul fiqh.

Hallaq (2009) menjelaskan tentang kepentingan metodologi *Qiyas* dengan berasaskan fakta yang selari dengan pandangan daripada para sarjana Islam. Hallaq memperincikan interpretasi beliau terhadap kaedah *Qiyas* yang berdasarkan kepada empat komponen utama iaitu, *furu'*, *asal*, *'illah*, dan hukum yang termaktub di dalam hukum asal untuk diaplikasi ke atas hukum yang baru. Dari perspektif Islam, metodologi *Qiyas* telah mula digunakan oleh para sahabat selepas kewafatan Rasulullah dengan menggunakan rujukan berasaskan al-Quran dan Sunnah sebagai panduan utama dalam mencari persamaan atau *'illah* yang wujud dengan hukum yang baru atau *furu'* (Badran Abu al-Aynayn Badran 1984). Ia merupakan kaedah hukum yang diperjuangkan oleh Imam Shafi'i dan diiktiraf sebagai kaedah yang paling relevan dengan menggunakan kepakaran daripada para mujtahid untuk menganalisis hukum dengan berdasarkan rujukan daripada al-Quran dan Sunnah (Ahmad Hasan 1986).

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya dapat difahami bahawa gagasan pemikiran orientalis barat terdahulu seperti Goldziher dan Schacht secara umumnya adalah bersifat *euro-centric* yang telah meletakkan perundangan barat sebagai contoh perundangan yang agung dengan menafikan intelek para sarjana Islam dalam melakukan penganalisaan hukum berasaskan kreativiti dan kepakaran mereka dengan berpandukan kepada sumber rujukan primer iaitu al-Quran dan Sunnah. Kewujudan elemen asing sebagaimana yang didakwa oleh Goldziher dan Schacht dalam epistemologi usul fiqh merupakan penulisan bersifat *stereotype* dalam ideologi barat yang masih berasaskan falsafah *evolutionism* yang menganggap masyarakat Islam dan negara Timur Tengah mundur, naif dan stagnan dari aspek pemikiran dan perundangan. Manakala hasil penulisan Hallaq yang masih aktif dalam pengkajiannya terhadap hukum Islam sehingga kini mempunyai persepsi berbeza dengan menggunakan pendekatan komparatif yang lebih jujur dan membebaskan pemikiran beliau daripada bersifat *reversed orientalist* dalam pengkajiannya terhadap hukum Islam. Penganalisaan terhadap hasil kajian Hallaq terhadap epistemologi usul fiqh adalah berasaskan fakta dan interpretasi yang tepat tanpa wujudnya penulisan prejudis terhadap hukum Islam.

RUJUKAN

- Aayesha Rafiq. 2016. Influences and comparability: The case of Islamic Law. *Islamic Research Institute* 55 (1): 121-130.
- Abdul Latif Muhammad al-Subki. 1939. *Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Kaherah: Matba'ah al-Sharq al-Islamiyyah.
- Abdul Wahhab Khallaf. 1942. *'Ilm al-Usul al-Fiqh Wa Khulasat Tarikh al-Tasyri' al-Islami*. Kaherah: Dar al-Qalam.
- Ahmad Gumma Sidek. 2017. Orientalism and orientalis between extremism and exaggeration. *American International Journal of Social Science* 6 (3): 141-160.
- Ahmad Hasan, 1986. *Analogical Reasoning in Islamic Jurisprudence: A Study of the Juridical Principal of Qiyas*. Pakistan: Islamic Research Institute.
- Ahmad Hassan. 1991. *The Doctrine of Ijma' In Islam*. Pakistan: Islamic Research Institute.
- Akh Minhaji. 1992. *Joseph Schacht's Contribution in The Study of Islamic Law*. Canada: Institute of Islamic Studies McGill University.

- Alan Watson. 1974. *Legal Transplant: An Approach to Comparative Law*. Edinburgh: Scottish Academic Press.
- Badran Abu al-Aynayn Badran. 1984. *Usul al-fiqh al-Islami*. Iskandariah: Muassasah Shabab Abi.
- David S. Powers. 2010. Wael hallaq on the origins of Islamic law: A review essay. *Jurnal Islamic Law and Society* 17: 114-145.
- Edward W. Said. 1979. *Orientalism*. C.1. New York: Vintage Books.
- Farouq Abu Zaid. 1986. Antara Tradisionalis dan Modernis, terj. H. Husein Muhammad. Jakarta: Perhimpunan Pengembangan Pesantren dan Masyarakat.
- Glenn E. Perry. 2010. Huntington's "Clash of Civilization": Rumours and Clarification, dalam *Islam in the eyes of the west*, Tareq Y. Ismael, Andrew Rippin (edit). London: Routledge Taylor & Francis Group.
- Harald Motzki. 2002. Terj. Marion H. Katz, *The Origins of Islamic Jurisprudence Meccan Fiqh Before The Classical Schools*. Leiden: Koninklijke Brill NV.
- H. Ismail Jakub. 1970. *Orientalisme dan Orientalisten*, c.1. Surabaya: C.V. Faizan.
- Hashim Sofyan Lahilote. 2020. Legal transplant in the substance of the authority of religious courts in Indonesia. *Journal of Law, Policy and Globalization* 93: 135-166.
- Ignaz Goldziher. 1981. *Introduction to Islamic Theology and Law*, trans. Andras and Ruth Hamori. New Jersey: Princeton University Press.
- Joseph Schacht. 1982. *An Introduction to Islamic Law*. Oxford: Clarendon Press.
- Joseph Schacht. 1974. C.E. Bosworth, *The Legacy of Islam*, Edisi ke-2. Oxford: The Clarendon Press.
- Judith Romney Wegner. 1982. Islamic and talmudic jurisprudence: The four roots of Islamic Law and their talmudic counterparts. *The American Journal of Legal History* 26 (1): 29-25.
- Mahmood Zuhdi b. Abdul Majid. 1992. *Sejarah Pembinaan Hukum Islam*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Muhammad Yusuf Faruqi. 1995. *Development of Usul al-Fiqh an Early Historical Perspective*. Pakistan: International Islamic University Islamabad.

- Mar'ah Nailul Faroh. 2018. Hadis dan Orientalis, Teori Ignaz Goldziher dan Joseph Schacht. www.academia.edu [20 Julai 2022].
- Wael Hallaq. 1997. *A History of Islamic Legal Theories, an Introduction to Sunni Usul Fiqh*. United Kingdom: Cambridge University Press.
- Wael Hallaq. 2009. *An Introduction to Islamic Law*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Wael Hallaq. 2009. *Shari'a, Theory, Practice, Transformations*. Cambridge, UK: Cambridge University Press.
- Yahya Muhammad. 2000. *Al-Ijtihad wa al-Taqlid wa al-Ittiba' wa al-Nazar*. Beirut: Arab Diffusion Company.
- Zafar Ishaq Ansari. 2016. The early development of Islamic fiqh in kufah with special reference to the works of Abu Yussuf and Shaybani. *Islamic Studies Journal* 55 (1). *Islamic Research Institute*: 149-191.